

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004**

September/Oktober 2003

**RMT 554 – Pengurusan Pembangunan & Ekonomi Rekabentuk
(Development Management & Design Economics)**

Masa/Time : 3 jam/hours

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

*Please check that the examinations paper contains **FOUR** printed pages before the commencement of the examination.*

Pelajar dibenarkan menjawab semua soalan dalam Bahasa Inggeris ATAU Bahasa Malaysia sahaja.

Students are allowed to answer all questions either in English OR in Bahasa Malaysia only.

Jawab **EMPAT** soalan.

*Answer **FOUR** questions*

1. (a) Anda telah dilantik sebagai seorang Pengurus Projek yang melibatkan pembinaan sebuah stadium bernilai RM300 juta. Sediakan suatu laporan komprehensif yang meliputi bidang-bidang;

- Pengurusan Pembangunan
- Pengurusan Rekabentuk
- Pengurusan Pemerolehan
- Pengurusan Kos

serta nyatakan dengan jelas peranan dan tanggungjawab utama seorang Pengurus Projek di setiap tahap di atas. Pastikan laporan anda menggunakan carta aliran yang kemas dan lengkap bagi tujuan memberi gambaran tentang input-input Pengurus Projek.

Having been appointed Project Manager for a RM300 million Stadium projects, you are are required to prepare a comprehensive report covering the following areas;

- *Development Management*
- *Design Management*
- *Procurement Management*
- *Cost Management*

indicating clearly the key roles and responsibility of the Project Manager in each of the mentioned phases. Ensure that your report utilizes clear and comprehensive flow-charts to illustrate the PM's inputs.

...2/-

- (b) “Hubungkait politik dan perniagaan adalah suatu amalan biasa di dalam industri binaan.”

Bincang dan kaitkan bagaimana hubungan politik dan perniagaan mungkin menjejaskan sesuatu projek.

“Political and business connections are a truism in the construction industry.”

Discuss and relate how political and business contacts may actually be detrimental to a project.

(25 markah/marks)

2. (a) “Kaedah Pengurusan Projek ‘boutique’ merupakan suatu anjakan paradigma dari sudut pemberian perkhidmatan Pengurusan Projek terkini.”

Bincangkan tentang daya tarikan perkhidmatan nasihat yang bercirikan ‘boutique’ serta kenalpasti perkara-perkara utama yang terlibat dan bagaimana kaedah ini boleh bersaing dengan firma-firma yang lebih besar dan terkemuka.

“ ‘Boutique’ Project Management set-ups represent a paradigm shift in the offer of contemporary Project Management services.”

Discuss the appeal of boutique advisory services, highlighting the key features involved and how they may be able to compete successfully with the larger, more established firms.

- (b) Bincangkan bagaimana penggunaan teknik-teknik Pengurusan Nilai (VM) boleh bantu mengurangkan atau hapuskan sama sekali masalah-masalah yang bersangkutan dengan pembinaan Makmal-makmal Komputer di sekolah-sekolah.

Discuss how the use of Value Management techniques may help to minimise or even eliminate altogether the problems associated with the construction of the Computer Laboratories for schools.

- (c) Bincangkan dengan ringkas halangan-halangan di dalam komunikasi yang boleh menjejaskan pengurusan yang berkesan.

Briefly discuss the barriers in communication which may inhibit effective management.

(25 markah/marks)

...3/-

3. (a) “Pengurusan Nilai (VM) bukan sahaja suatu teknik yang sistematik dan teratur, malah ianya merupakan suatu teknik yang kreatif.”

Bincangkan ulasan di atas dalam konteks menggunakan Pengurusan Nilai sebagai pemangkin kekreatifan untuk penglibatan pasukan projek. Jelaskan juga tentang manfaat nilai VM, konsep dan falsafah di sebalik kewujudannya serta bagaimana konsep-konsep inovasi dan kekreatifan amat mustahak untuk seseorang Pengurus Projek.

“Value Management is as much a creative technique as it is a systematic and structured one.”

Discuss the statement above in the content of utilising VM as a creative catalyst for project team participation. Outline clearly the value benefits of VM, its concept and philosophy and how the concepts of innovation and creativity are important for the Project Manager.

- (b) Dalam konteks suatu Job Plan, rangkakan dengan jelas suatu cadangan ‘Workshop’ 3 hari yang melibatkan suatu projek hotel bernilai RM100 juta, sambil menentukan input-input perunding-perunding ‘Khas’ merangkumi empat fasa pertama yang terdapat di dalam RIBA Plan of Work. Nyatakan dengan jelas peranan-peranan strategik Pengurus Projek di dalam ‘Workshop’ tersebut.

Within the content of the Job Plan, outline clearly a proposed framework for a 3 days Workshop for a project involving the development of a RM100 million hotel, indicating the input of specialist consultants encompassing the first four stages of the RIBA Plan of Work. State clearly the strategic roles of the Project Manager in the Workshop.

(25 markah/marks)

4. (a) Jelaskan tentang pelbagai ciri-ciri, ‘attributes’ dan ‘qualities’ yang dapat mencerminkan seorang Pengurus Projek kontemporari serta berdaya-saing di peringkat dunia.

Describe clearly the various qualities, attributes and characteristics that will ultimately reflect the contemporary, globally-competitives Project Manager.

- (b) Cadangkan suatu strategi bagaimana seorang Pengurus Projek boleh memandu projek-projek supaya tidak ‘terkena’ kesan-kesan ‘unnecessary costs’; dalam masa yang sama, bincangkan secara ringkas faktor-faktor yang mempengaruhi kos pembangunan.

Propose a strategy on how the Project Manager may be able to steer projects from being affected by ‘unnecessary costs’; at the same time, briefly describe the factors affecting the cost of development.

...4/-

- (c) Komen dengan ringkas tentang 'Decision Analysis Matrix' dan kesesuaiannya di dalam proses Pengurusan Nilai (VM).

Comment briefly on the Decision Analysis Matrix and its suitability in the Value Management process.

(25 markah/marks)

5. (a) Bincangkan bagaimana Pengurusan Nilai (VM) boleh digunakan untuk pemilihan haluan pemerolehan yang paling optimum dan strategik serta ulaskan faktor-faktor dan kriteria-kriteria utama di dalam pemilihan opsyen-opsyen pemerolehan. Sebagai gambaran, gunakan Decision Analysis Matrix bagi suatu projek 'Design & Build' secara tender terbuka untuk sebuah Kompleks Perubatan yang bernilai RM500 juta, untuk memperjelaskan ide-ide anda.

Discuss how Value Management can be utilised to select the most optimum and strategic procurement path and elaborate on the key factors and criterias in the selection of procurement options. Illustrate by proposing your ideas via a Decision Analysis Matrix for a project which involves a 'Design and Build' open tender for a RM500 million Medical School.

- (b) Bincang dan bezakan aspek-aspek utama kepimpinan berteraskan 'facilitation' berbanding dengan jenis tradisional, pelatih (trainer) dan perunding (consultant).

Discuss and differentiate the key aspects of facilitative leadership to that of the traditional type, the trainer and the consultant.

- (c) Ulaskan secara ringkas mustahaknya wujud suatu piagam etika yang kemas untuk Pengurus-Pengurus Projek.

Discuss briefly the importance of having a properly instituted Code of Ethics for Project Managers.

(25 markah/marks)

-ooo00ooo-